

20/11/1999

Ahli politik disaran miliki lima-I

Dr Mohd Azam Rauzan

PADA 10 November lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pembubaran Parlimen yang memang dinantikan segenap lapisan rakyat.

Dengan berbekalkan senyuman dan wajah ceria, Perdana Menteri memberi petanda Barisan Nasional (BN) memang bersedia bersatu hati untuk menghadapi rakyat dan berpuas hati terhadap pembangunan dan perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat Malaysia.

Tidak dilupakan kebijaksanaan kerajaan menangani kegawatan ekonomi yang hari harus diberi pujian. Syabas kepada kerajaan BN terhadap sumbangan yang diberikan sejak menerajui pentadbiran negara.

Di sidang akhbar itu, Dr Mahathir berdiri penuh yakin dan sentiasa tersenyum, mengetuai pemimpin parti komponen BN di Putrajaya.

Di satu dunia lain iaitu di Perancis, salah seorang pemimpin badan kewangan gergasi dunia, Micheal Camdessus yang selalu menjadi sasaran kritikan kerana isu kegawatan ekonomi, dengan rendah diri dan sedih mengadakan sidang akhbar mengenai peletakan jawatannya sebagai Pengerusi Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Peletakan jawatan beliau boleh saya anggap sebagai kemenangan moral bagi Malaysia yang selama ini mengutuk tindakan dan peranan badan itu yang menjadi boneka Amerika untuk menindas negara yang menjadi mangsa kerakusan penyangak mata wang seperti negara jiran, Indonesia.

Terima kasih kerajaan BN kerana menyelamatkan Malaysia daripada menjadi mangsa IMF.

Dua peristiwa bersejarah itu harus kita renungi. Ramalan Perdana Menteri memang tepat mengenai ketidakadilan dan kegagalan IMF menangani masalah ekonomi dunia sehingga memaksa pengerusi IMF itu meletakkan jawatan walaupun tempoh tamat perkhimatannya pada 2002.

Diharap BN terus mentadbir Malaysia dengan formula yang kita guna pakai selama ini. Malaysia Boleh.

Pada saat negara menghadapi pilihan raya ke-10 nanti, banyak kenyataan yang menunjukkan kecelaruan dan porak-peranda parti pembangkang yang menamakan diri mereka Barisan Alternatif.

Saya ingin mencadangkan mereka menamakan barisan mereka sebagai Barisan Anti-Nasional, bersesuaian dengan matlamat perjuangan mereka yang bertentangan dengan semangat nasionalisme rakyat Malaysia yang selama ini hidup dalam harmoni.

Antara contoh terbaik ialah pengumuman Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang membenarkan pemimpin bukan Islam menjadi Perdana Menteri jika berkuasa, sementara parti Keadilan pula mahukan Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi Perdana Menteri. DAP pula macam mahu juga, tapi malu.

Semua ini kalau kita renungi adalah hasil percakapan pemimpin yang mempunyai kecelaruan pemikiran hasil kecelaruan hati dan nurani pemimpin parti pembangkang dan kemuflihan modal isu pilihan raya.

Dalam kegairahan berkempen, pemimpin politik juga mempunyai tanggungjawab terhadap kesejahteraan dan ketenteraman yang dikecapi rakyat Malaysia selama ini.

Etika atau garis panduan ketika berceramah harus diamalkan pemimpin parti politik terutama parti pembangkang yang saya perhatikan menggunakan bahasa lucu dan maki-hamun dalam ceramah terbuka mereka.

Saya mencadangkan setiap ahli politik mengamalkan politik lima-I dalam mengharungi cabaran dan pelakuan sasiah pemimpin politik di negara ini.

Politik lima-I yang saya maksudkan ialah politik berteraskan ilmu, intelektual, ikhlas, istiqamah dan insaf.

\* Ilmu - politik berteraskan ilmu penting dalam menghadapi cabaran abad baru. Ada pepatah Inggeris yang bermaksud ilmu itu adalah kuasa.

Dalam dunia serba canggih, ahli politik mesti berhujah dan berjuang berteraskan ilmu kerana hanya dengan ilmu pemimpin dihormati di dalam dan luar negara. Pemimpin berilmu tidak menggunakan perkataan mencarut dan memaki-hamun kerana ini sebenarnya memakan diri sendiri.

\* Intelektual - politik mesti berteraskan intelektual atau kebijaksanaan. Pemimpin berilmu tidak semestinya mempunyai kebijaksanaan.

Pemimpin politik apabila berhujah tidak boleh berlandaskan emosi. Contoh pemimpin politik berilmu tapi tidak intelek ialah kenyataan Marina Yusof mengenai punca rusuhan 13 Mei 1969.

Beliau sepatutnya lebih bertanggungjawab sebagai pemimpin politik dan tidak patut memainkan sentimen perkauman hanya kerana terdesak dengan kesempitan ideologi parti yang disertainya.

\* Ikhlas - pemimpin yang terbaik adalah pemimpin ikhlas dalam tindak tanduknya termasuk pengucapannya.

Perjuangan berteraskan keikhlasan tidak perlu memfitnah, berbohong kepada pengundi dan menghasut antara saudara Islam hanya kerana mahukan kuasa untuk memenangi pilihan raya.

Ramai pemimpin Pas, Keadilan serta DAP tidak ikhlas dalam perjuangan mereka.

\* Istiqamah - pemimpin mesti mempunyai pendirian perjuangan konsisten dan berterusan. Parti pembangkang hanya berjuang apabila musim pilihan raya tiba.

Mereka tidak mempunyai pendirian yang dapat meyakinkan rakyat kerana masing-masing berebut untuk menawan pengundi saja.

\* Insaf - pemimpin politik harus insaf pilihan raya hanya sebahagian daripada sistem demokrasi yang kita amalkan. Maka, mereka harus insaf pemimpin dipilih oleh rakyat. Tiada rakyat, maka tiada pemimpin.

Rakyat Malaysia sudah teruji dalam tindak-tanduk mereka dalam membuat penilaian terhadap pemimpin dan kepemimpinan.

Kepada pemimpin pembangkang, mereka harus insaf segala nikmat yang mereka kecapi sekarang ini adalah hasil perjuangan pemimpin Malaysia yang diterajui BN. Oleh itu janganlah kita hancurkan kenikmatan dan keharmonian di Malaysia.

Akhir kata, kepada rakyat Malaysia, ayuh sudah tiba giliran untuk menunjukkan tanda terima kasih kepada kerajaan yang memerintah negara kita selama 42 tahun.

Kita harus menoleh ke belakang untuk meneliti sejarah, perjuangan dan pencapaian kita sama ada yang beranjau atau tidak. Semua ini harus kita ingat dan renung semula, mudah-mudahan menjadi pengajaran dan panduan kepada kita.